



# MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

## TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
**DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

## SEMPENA

MAJLIS PELANCARAN MANUAL PELESENAN PANDUAN  
PERMOHONAN DAN PERATURAN LESEN PREMIS DAN IKLAN  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

## TARIKH / MASA / TEMPAT

**14 OKTOBER 2021 (KHAMIS)**  
**10.00 PAGI**

**DEWAN KENANGA MENARA BANDARAYA MBSP**  
**BANDAR PERDA**

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

**Yang Berbahagia Dato' Abdul Latif bin Haji Abu Seman**

Ketua Pengarah

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

Saudara WHIP Parti

**Encik David Marshel a/l Pakianathan**

**Encik Ahmad Rizal bin Abd Hamid**

**Encik Muhamad Suzuki bin Ahmad**

**Saudara Ahli-Ahli Majlis**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Tuan Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid**

Pemangku Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Dr Mazrina binti Mohamed Ibramsah**

Pengarah Wilayah Utara

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Seluruh kakitangan dan Wira Orange yang saya kasihi**

**Rakan-rakan Media**

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Selamat pagi dan salam sejahtera.

Alhamdulillah setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan rahmat dan inayah-Nya jua kita dapat berjumpa dan berkumpul pada pagi ini dalam Majlis Pelancaran Manual Pelesenan Panduan Permohonan Dan Peraturan Lesen Premis Dan Iklan Majlis Bandaraya Seberang Perai Sempena Sambutan Hari Bandaraya Seberang Perai 2021 di Menara MBSP.

Sekalung penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berbahagia Dato' Abdul Latif bin Haji Abu Seman, Ketua Pengarah Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) dan Pegawai-Pegawai Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) atas jalinan kerjasama bersama MBSP dalam menghasilkan Manual Pelesenan Panduan Permohonan Dan Peraturan Lesen Premis Dan Iklan Majlis Bandaraya Seberang Perai. Saya mengalu-alukan kehadiran Yang Berbahagia Ketua Pengarah MPC yang sudi hadir bersama secara maya (*virtual*) dalam majlis pada pagi ini.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Saudara WHIP Parti dan Ahli-Ahli Majlis, Tuan Pemangku Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan MBSP, warga kerja MBSP, rakan-rakan media dan para hadirin sekalian kerana sudi meluangkan masa berada dalam program anjuran MBSP ini, Saya ucapkan syabas dan tahniah kepada urusetia yang terlibat dalam menjayakan program ini.

**Yang Berbahagia Dato', Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Transformasi pengurusan lesen premis dan iklan untuk menjalankan perniagaan di MBSP telah melalui beberapa fasa perubahan berikutan pelaksanaan *Business Process Reengineering* (BPR). Kerjasama yang dimeterai antara MBSP dengan pihak MPC telah membantu mengenalpasti *red tape* dalam pengurusan lesen premis dan iklan dan berjaya memendekkan proses permohonan lesen tersebut. Permohonan lesen premis dan iklan tidak berisiko dalam skim boleh diluluskan pada hari yang sama permohonan dibuat. Manakala bagi permohonan premis dan iklan tidak berisiko luar skim, berisiko dalam skim dan berisiko luar skim ditetapkan tempoh 21 hari dari tarikh permohonan lengkap diterima untuk

pengeluaran keputusan permohonan. Usaha ini telah meningkatkan pengeluaran lesen tersebut di atas sebanyak 6% (bersih) iaitu 61,474 lesen pada tahun 2020 berbanding 2019 iaitu 57,829 lesen.

Tidak sekadar terhenti di situ, pihak MBSP terus menjalankan usaha penambahbaikan apabila melaksanakan *Business Process Improvement* (BPI). Proses ini telah menyumbang kepada penambahbaikan pengurusan lesen premis dan iklan bagi kategori berisiko dalam skim di mana mulai Ogos 2021, permohonan kategori tersebut akan dikeluarkan lesen serta merta setelah menerima permohonan lengkap daripada pemohon. MBSP telah berjaya untuk membuang proses kerja yang *redundant* dan seterusnya berjaya memendekkan proses kerja untuk mendapatkan kelulusan permohonan lesen perniagaan.

**Yang Berbahagia Dato', Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati  
Sekalian,**

Dalam tahun 2021, MBSP telah berjaya melakukan lagi satu transformasi iaitu mendigitalkan proses permohonan lesen perniagaan secara dalam talian melalui Sistem Pengurusan Lesen Interaktif dan Bersepadu (*Speedbiz*). Permohonan boleh dibuat di <https://speedbiz.mbsp.gov.my>. Sistem Pengurusan Lesen Interaktif

Bersepadu atau singkatannya SpeedBiz. Sistem ini membolehkan pemohonan lesen premis perniagaan dan iklan dibuat di atas talian dan pemohon boleh mencetak lesen mereka sendiri apabila diluluskan. SpeedBiz mencerminkan budaya kerja generasi baharu 24x7x52. SpeedBiz memberi manfaat kepada 33,139 pemegang lesen premis perniagaan am dan industri di Seberang Perai.

**Yang Berbahagia Dato', Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati  
Sekalian,**

Lanjutan dari Program Transformasi Sistem Pelesenan, MBSP mendokumenkan proses kerja, panduan permohonan dan peraturan lesen premis dan iklan ke dalam Manual Pelesenan. Tujuan diadakan Manual Pelesenan adalah untuk menjadi rujukan kepada pengguna / pemohon dan juga warga kerja MBSP dalam memproses permohonan lesen permis dan iklan. Manual Pelesenan juga menjadi dokumen untuk pendidikan dan pembangunan modal insan bagi pekerja dan rakyat Seberang Perai.

MBSP merangka untuk meningkatkan hasil bukan cukai RM66.5juta setahun kepada RM110.5 juta setahun pada tahun 2030 iaitu 50 %

daripada jualan hasil yang dipungut supaya pergantungan kepada cukai taksiran dapat dikurangkan ke tahap yang optima.

**Yang Berbahagia Dato', Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati  
Sekalian,**

Sebelum saya mengakhiri kata-kata saya, terima kasih saya ucapkan kepada semua yang bertungkus lumus bagi menghasilkan Manual Pelesenan Panduan Permohonan Dan Peraturan Lesen Premis Dan Iklan Majlis Bandaraya Seberang Perai. Terima kasih tidak terhingga juga kepada Yang Berbahagia Dato' Abdul Latif bin Haji Abu Seman, Ketua Pengarah Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) dan Pegawai-Pegawai Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), serta Ahli-Ahli Majlis dan warga kerja MBSP yang hadir memberikan sokongan padu ke atas usaha-usaha ini. Saya berdoa dan berharap agar rakyat Seberang Perai akan hidup aman, makmur, sejahtera dan menjadi masyarakat pintar yang menghuni Bandar Pintar. Jadikan cabaran pemangkin semangat untuk kita terus berjuang menjadikan "*Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow*" atau "*Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan*".

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih atas sokongan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Warga Seberang Perai terhadap MBSP selama ini. MBSP juga akan sentiasa menyokong Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan meletakkan kehendak masyarakat di hadapan bagi memakmurkan bumi Seberang Perai. MBSP tidak akan berhenti berjuang dan kami perlukan sokongan dan kerjasama semua bagi menjayakan hasrat dan matlamat MBSP ke arah *Smart Sustainable City* dan seterusnya menjadikan “*Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow*” atau “Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan”. *Stay safe and healthy.*

Dengan lafaz **Bismillahirrahmanirrahim**, saya dengan ini melancarkan Manual Pelesenan Panduan Permohonan Dan Peraturan Lesen Premis Dan Iklan Majlis Bandaraya.

**Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**

**Terima Kasih, Xie Xie, Nandri, Thank You**